

## Penggunaan media sosial dalam kempen yang efektif

**UB 17.11.2022 P.08**

**KOTA KINABALU:** Kempen pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) semakin meriah dengan pelbagai corak kreativiti dipamerkan oleh calon dan parti bertanding menjelang hari pengundian Sabtu ini.

Pengarah Pusat Komunikasi Korporat Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Jakaria Dasan, yang juga Pensyarah Kursus Komunikasi Korporat, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS, penggunaan media sosial sebagai medium kempen mampu memberi kesan positif kepada parti atau calon bertanding dalam menyampaikan manifesto.

“Dalam kontek ini, kita kena faham bahawa sekiranya media sosial itu digunakan untuk tujuan kempen, seseorang calon yang menggunakan faktta mungkin meraih undilebih baik daripada calon mengemukakan pandangan.

“Cuma isunya di sini ialah wujud trend dalam kalangan pengundi yang melihat kepada populariti yang mana orang yang pandai berkata-kata itu biasanya mendapat undian lebih baik daripada mereka yang kurang penyampaian ucapan dan sebagainya,” ujarnya.

Tambah beliau, dengan kewujudan pengundi yang berumur 18 tahun ke atas,



JAKARIA

media sosial mampu memberi kesan positif sekiranya calon memperbanyakkan faktta dalam hujah yang dilontarkan.

“Selain itu, penggunaan media sosial mungkin boleh memberi kesan tidak baik sama ada kepada calon itu sendiri atau masyarakat pendengar.

“Sebagai contoh kepada calon mungkin akan melebihi sempadan norma budaya masyarakat kita, saya merujuk kepada santun dan budaya, di mana mungkin akan berlaku perlanggaran etika dalam menyampaikan pandangan,” katanya.